

LACPHAVID ORAL SOLUTION 3.35G/5ML

Lactulose Solution (3.35g/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Lacphavid Oral Solution 3.35g/5ml
2. Bagaimana Lacphavid Oral Solution 3.35g/5ml berfungsi
3. Sebelum menggunakan Lacphavid Oral Solution 3.35g/5ml
4. Cara menggunakan Lacphavid Oral Solution 3.35g/5ml
5. Semasa menggunakan Lacphavid Oral Solution 3.35g/5ml
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Lacphavid Oral Solution 3.35g/5ml
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Lacphavid Oral Solution 3.35g/5ml

Lacphavid digunakan untuk merawat sembelit (pergerakan usus yang jarang berlaku, najis yang keras dan kering), melembutkan najis bagi melegakan buasir dan juga digunakan selepas pembedahan kolon atau dubur. Lacphavid juga digunakan untuk merawat dan mencegah coma atau precoma hepatic untuk pesakit yang mengalami *hepatic encephalopathy* (penyakit hati yang boleh menyebabkan kekeliruan, menggigil, dan kurang kesedaran).

Bagaimana Lacphavid Oral Solution 3.35g/5ml berfungsi

Lacphavid mengandungi laksatif yang dipanggil laktulosa. Ubat ini membantu melembutkan najis untuk melembut dan memudahkan proses penyingkirannya, dengan menyerap

air ke dalam usus. Ia tidak diserap ke dalam badan anda.

Sebelum mengambil Lacphavid Oral Solution 3.35g/5ml

- Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda mempunyai alahan pada laktulosa
- Jika anda mempunyai masalah yang jarang berlaku iaitu "*galactosaemia*" (gangguan metabolik yang mempengaruhi keupayaan individu untuk memetabolismakan gula, galaktosa, dengan betul)
- Anda mengalami sumbatan yang disebabkan oleh perkara yang lain, selain daripada sembelit, penembusan pencernaan atau risiko penembusan pencernaan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda harus mengambil ubat ini, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Lacphavid.

- Sebelum mula mengambil

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Lacphavid jika anda mengalami sebarang masalah atau penyakit, khususnya:

- Jika anda mengalami sakit perut yang tidak dapat dijelaskan
- Jika anda tidak dapat mencerna gula susu (tidak mempunyai toleransi dengan laktosa)
- Jika anda menghidap penyakit kencing manis (diabetes)

Anda tidak harus mengambil Lacphavid jika anda:

- Tidak mempunyai toleransi galaktosa atau fruktosa
- Kekurangan Lapp laktase

- Ketidakupayaan untuk menyerap glukosa-galaktosa

Sekiranya anda mempunyai diabetes dan mendapatkan rawatan untuk penyakit hati (*hepatic encephalopathy*), anda akan mengambil dos Lacphavid yang lebih tinggi. Dos yang tinggi mengandungi jumlah gula yang besar. Oleh itu, doktor anda mungkin akan mengesyorkan bahawa anda untuk menukar dos ubat anti-diabetes anda.

Penggunaan kronik untuk dos yang tidak sesuai (melebihi 2-3 najis lembut setiap hari) atau penyalahgunaan boleh menyebabkan cirit-birit dan gangguan keseimbangan elektrolit.

Semasa rawatan dengan laksatif, anda harus minum jumlah cecair yang mencukupi (lebih kurang 2 liter / hari, bersamaan dengan 6-8 gelas).

Kanak-kanak

Penggunaan laksatif dalam golongan kanak-kanak haruslah dikecualikan dan di bawah pengawasan pakar perubatan.

Jika anda mengambil Lacphavid selama beberapa hari dan keadaan anda tidak bertambah baik atau jika gejala anda bertambah teruk, sila hubungi doktor anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat-ubatan yang lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai yang menjual makanan kesihatan.

LACPHAVID ORAL SOLUTION 3.35G/5ML

Lactulose Solution (3.35g/5ml)

Cara menggunakan Lacphavid Oral Solution 3.35g/5ml

- Berapa banyak harus diambil

- Anda boleh mencampurkan Lacphavid dengan jus buah atau air. Adalah disyorkan bahawa anda minum banyak cecair (kira-kira 6-8 gelas sepanjang hari).
- Telan setiap dos Lacphavid dengan segera. Jangan simpan dalam mulut anda untuk jangka masa panjang.
- Jika Lacphavid hanya diambil untuk sekali sehari, ia perlu diambil pada masa yang sama (misalnya semasa sarapan pagi).

Dos untuk Sembelit

Lacphavid boleh diberikan sebagai dos tunggal sehari atau dibahagikan kepada dua dos sehari.

Selepas beberapa hari, dos awal boleh diselaraskan kepada dos penyelenggaraan berdasarkan tindak balas rawatan. Beberapa hari (2-3 hari) selepas rawatan dimulakan mungkin diperlukan sebelum keberkesanan rawatan berlaku.

Dewasa dan Remaja

Dos Awal: 15ml – 45ml

Dos Penyelenggaraan: 15ml – 30ml

Kanak-kanak (7-14 tahun)

Dos Awal: 15ml

Dos Penyelenggaraan: 10ml - 15ml

Kanak-kanak (1-6 tahun)

Dos Awal: 5ml – 10ml

Dos Penyelenggaraan: 5ml – 10ml

Bayi bawah umur 1 tahun

Dos Awal: sehingga 5ml

Dos Penyelenggaraan: sehingga 5ml

Dos untuk Penyakit Hati (Hepatic Encephalopathy) (untuk orang dewasa sahaja)

Dos Awal: 3 to 4 kali sehari, 30ml-45ml (6-9 x 5ml sesudu penuh).

Dos ini boleh diselaraskan dengan dos penyelenggaraan untuk mencapai dua atau tiga biji najis lembut setiap hari.

Kanak-kanak

Tidak terdapat bukti yang kukuh untuk keselamatan dan keberkesanan dalam kanak-kanak (pada bayi yang baru lahir hingga 18 tahun) dengan *Hepatic Encephalopathy*.

Golongan emas dan pesakit yang mempunyai masalah buah pinggang dan hati

Tidak terdapat dos yang khas kerana pendedahan sistemik kepada laktulosa boleh diabaikan.

- Bila perlu diambil

Lacphavid boleh diambil dengan atau tanpa makanan. Tiada pembatasan terhadap apa yang boleh anda makan atau minum.

- Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Lacphavid selama tempoh pengesyoran oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Walau bagaimanapun, jika anda telah mengambil Lacphavid selama beberapa hari dan tidak ada peningkatan dalam keadaan anda atau jika gejala anda bertambah buruk, sila hubungi doktor anda.

- Jika terlupa mengambil

Sekiranya anda terlupa mengambil dos Lacphavid, ambil dos berikutnya pada masa yang biasa. Jangan

mengambil dos berganda untuk menggantikan dos terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil lebih banyak Lacphavid daripada yang anda perlukan, berhenti mengambil Lacphavid dan berbincang dengan doktor atau ahli farmasi.

Anda mungkin mengalami cirit-birit, kehilangan elektrolit dan sakit perut.

Semasa menggunakan Lacphavid Oral Solution 3.35g/5ml

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti mana telah dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau sedang menyusu. Lacphavid boleh digunakan semasa mengandung dan apabila menyusu, jika perlu. Tiada kesan ke atas kesuburan yang diharapkan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti atau ubah rawatan sebelum berbincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil apa-apa ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan berikan Lacphavid kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai gejala atau mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang telah dicadangkan kecuali

LACPHAVID ORAL SOLUTION 3.35G/5ML

Lactulose Solution (3.35g/5ml)

doktor atau ahli farmasi telah memberitahu anda.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut tentang penggunaan produk ini, bertanyakan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Lacphavid tidak mempunyai pengaruh atau tidak akan mempengaruhi anda untuk memandu dengan selamat atau menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Lacphavid boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mendapatnya.

Kesan sampingan berikut mungkin berlaku dengan penggunaan Lacphavid:

Sangat biasa (boleh menjejaskan lebih daripada 1 dalam 10 orang)

- Cirit-birit

Biasa (mungkin menjejaskan sehingga 1 dalam 10 orang)

- Perut kembung (angin)
- Mual (rasa sakit)
- Muntah
- Sakit perut

Tidak biasa (mungkin menjejaskan sehingga 1 dalam 100 orang)

- Ketidakseimbangan elektrolit akibat cirit-birit

Profil keselamatan kanak-kanak dijangka sama seperti orang dewasa.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda fikir anda mengalami mana-mana kesan-kesan sampingan semasa mengambil ubat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nptra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Lacphavid Oral Solution 3.35g/5ml

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui sisa buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair yang telus, likat, tidak berwarna ke berwarna coklat-kuning

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi Laktulosa 3.35g

- Bahan tidak aktif

Tidak berkaitan

- MAL number:

MAL21076023XZ

Pengilang

Hovid Berhad

121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Hovid Berhad

121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/05/2023

Nombor Siri

NPRA(R2)/21/016